

18 FEB 2003

NAM-Mahathir (Ekonomi)/I

LEBIHKAN USAHA TINGKAT HUBUNGAN DAGANGAN NAM, KATA PERDANA MENTERI

KUALA LUMPUR, 18 Feb (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menggesa negara anggota Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM) supaya mempergiatkan usaha bagi membangunkan bidang baru kerjasama ekonomi untuk mencergaskan lagi perdagangan di antara mereka.

Perdana Menteri berkata sementara kerajaan-kerajaan terus mencari ruang baru untuk mewujudkan dan mengukuhkan hubungan ekonomi antara negara anggota, sektor swasta sepatutnya mengusahakan sendiri program dan aktiviti untuk menceburi peluang kerjasama perniagaan.

Beliau juga berkata dengan maklumat balas yang perlu dari sektor swasta, kerajaan-kerajaan NAM boleh memudahkan kerjasama perniagaan dan pelaburan dengan menyediakan suasana sesuai bagi kegiatan perniagaan untuk subur dan berkembang.

"Sumbangan negara anggota NAM kepada perdagangan global menunjukkan bahawa potensi bagi kerjasama perdagangan dan perniagaan masih belum direalisasikan sepenuhnya," katanya semasa merasmikan Showcase Malaysia 2003 dan Pameran Pelancongan 2003 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini.

Dr Mahathir berkata pada 2001, 114 negara anggota NAM menyumbang US\$880.5 bilion atau hanya 14.3 peratus daripada eksport dunia dan US\$736.9 bilion (11.4 peratus) import dunia. (US\$1=RM3.80)

Dr Mahathir berkata perkongsian negara anggota NAM dalam perdagangan sedunia tidaklah begitu besar sedangkan NAM dianggotai sebilangan besar negara.

Beliau juga berkata NAM, yang ditubuhkan empat dekad lalu semasa sebuah kumpulan politik diperlukan bagi negara-negara membangun untuk memelihara kepentingan mereka, kini patut juga memberi tumpuan kepada meningkatkan kerjasama ekonomi dan hubungan perdagangan yang lebih besar di kalangan anggotanya untuk kekal relevan.

"Masanya sudah tiba bagi sektor swasta memainkan peranan lebih besar dalam menggalakkan kerjasama di kalangan anggota NAM melalui aktiviti ekonomi.

"Selain menggunakan cara konvensional untuk mewujudkan hubungan dagangan, sektor swasta juga patut kreatif dalam meninjau usaha alternatif seperti dagangan balas, kontrak pengeluaran dan usahasama pelaburan untuk mengeksploit potensi perniagaan dalam NAM sendiri.

"Penganjuran misi dagangan dan lawatan perniagaan ke negara-negara NAM boleh memudahkan hubungan antara sektor swasta yang lebih kukuh," katanya.

Satu lagi jalan untuk meningkatkan kerjasama ekonomi di kalangan anggota NAM ialah kemungkinan mewujudkan hubungan di kalangan kumpulan serantau, katanya.

Negara-negara NAM ialah anggota pelbagai perkumpulan serantau seperti Asean, Pasaran Bersama Arab, Kesatuan Ekonomi Negara Afrika Barat, Majlis Kerjasama Teluk, Persatuan Asia Selatan bagi Kerjasama Serantau dan Kesatuan Pembangunan Selatan Afrika.

Dari segi lain, Dr Mahathir berkata Malaysia melihat potensi bagi negara anggota NAM menyumbang ke arah mengurangkan sebarang kesan negatif globalisasi.

Dengan bekerjasama, NAM, yang 83 daripada negara anggotanya adalah juga anggota WTO, boleh menjadi satu kumpulan yang berpengaruh untuk merundingkan perdagangan pelbagai hala bagi melindungi kepentingan negara-negara membangun, kata Dr Mahathir.

Beliau berkata ini kerana langkah liberalisasi perdagangan yang diusahakan WTO dan kemunculan globalisasi bukan sahaja membuka pasaran tetapi juga memperhebatkan persaingan.

Mengenai Showcase Malaysia dan Pameran Pelancongan Malaysia, beliau berkata dengan mengumpulkan pelbagai produk dan perkhidmatan yang ada di Malaysia, kedua-dua pameran itu akan membantu mewujudkan kesedaran bagi pengembangan perdagangan dan kerjasama ekonomi di kalangan masyarakat perniagaan NAM.

"Kemungkinan untuk mengadakan pameran perdagangan NAM sempena sidang-sidang kemuncak NAM yang akan datang untuk menonjolkan produk dan perkhidmatan yang terdapat dalam negara anggota, patut diteliti.

"Pameran sedemikian boleh menyumbang ke arah mengukuhkan hubungan antara masyarakat perniagaan negara-negara anggota NAM," katanya.

Perdana Menteri juga berkata untuk menggalakkan pelancongan di kalangan negara anggota NAM, prosedur birokratik hendaklah dikurangkan untuk memudahkan urusan perjalanan.

Lagipun agensi-agensi pelancongan dalam NAM perlu digalakkan untuk mempromosi negara masing-masing.

Kedua-dua pameran itu dibuka mulai hari ini hingga 26 Feb.

-- BERNAMA

MAD MAM RON